

09 SEP 1996

Abdullah-Singapura

ABDULLAH BADAWI MAKLUM PENDIRIAN UMNO KEPADA S'PURA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini memaklumkan kepada Singapura betapa Umno berasa tersinggung dan memandang serius kenyataan para pemimpin republik itu yang menyindir Malaysia kononnya tidak ada meritokrasi di negara ini.

Beliau memaklumkan hal itu kepada Pesuruhjaya Tinggi Singapura di sini Encik Low Choon Ming yang dipanggil datang ke Wisma Putra hari ini.

Abdullah memberitahu pemberita bahawa beliau kemudian menelefon rakan sejawatannya di Singapura, S. Jayakumar untuk menyatakan perkara yang sama.

Katanya, dalam percakapan telefon itu Jayakumar memberitahunya bahawa beliau akan menyampaikan makluman itu kepada kerajaan Singapura.

Abdullah berkata demikian sebagai menjawab soalan pemberita ketika memberi taklimat mengenai perjumpaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya dari Republik Czech Vaclav Klaus yang sedang melawat Malaysia.

"Saya telah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura datang ke pejabat tadi dan telah memaklumkan kepadanya bahawa Majlis Tertinggi Umno memandang serius tentang kenyataan-kenyataan yang dibuat pemimpin-pemimpin Singapura yang menyindir bahawa Malaysia tidak ada meritokrasi," kata beliau.

Abdullah berkata beliau memaklumkan perkara itu bagi pihak Umno dan bukan kerajaan.

Apabila ditanya kenapa begitu, Abdullah berkata Umno ialah anggota utama Barisan Nasional, yang juga parti yang menerajui kerajaan.

Abdullah berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno berpendapat kenyataan-kenyataan para pemimpin Singapura itu adalah satu kritikan terhadap perkara dalam negara dan bukan luar negara.

Abdullah berkata MT Umno "amat tersinggung dengan kenyataan-kenyataan itu."

Pada Jun lepas Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew menyatakan yang beliau tidak menolak kemungkinan Singapura bergabung semula dengan Malaysia pada satu masa nanti.

Kenyataan-kenyataan berikutnya oleh para pemimpin Singapura yang lain telah memberi gambaran kononnya Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi.

Abdullah berkata: "Jika Singapura menghargai hubungan baik dengan Malaysia, saya berharap Singapura sentiasa sensitif mengenai perasaan rakyat Malaysia."

Ketika ditanya sama ada kenyataan pemimpin-pemimpin Singapura itu telah disalah-tafsir oleh MT Umno, beliau berkata: "Saya tidak nampak perkara itu sebagai salah tafsiran".

Abdullah berkata, beliau telah membaca kenyataan yang dibawa oleh Pesuruhjaya Tinggi Singapura semasa dipanggil datang ke Wisma Putra hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata rakyat Singapura mungkin melihatnya sebagai salah-tafsiran tetapi jelas kenyataan-kenyataan para pemimpin mereka menyindir tiada meritokrasi di Malaysia.

Apabila ditanya mengenai penjelasan Jayakumar tentang perkara itu semasa percakapan telefon mereka, Abdullah berkata, Jayakumar mengulangi penjelasan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong bahawa Singapura dan Malaysia perlu lebih sensitif kepada perasaan antara satu sama lain sebelum membuat sesuatu kenyataan.

Ketika ditanya bagaimana perkara seumpama itu dapat dijamin tidak berulang, Abdullah berkata terpulanglah kepada kebijaksanaan Singapura

dalam menangani masalah itu untuk memastikan hubungan baik antara kedua-dua negara terus dihargai. -- BERNAMA
RHM NHD NMO